

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1991/92

Mac/April 1992

RMT 556 - Pengurusan Projek 5

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan.

1. "Bangunan yang baik bermula daripada ringkasan (briefing) yang baik".

Bincangkan secara terperinci tahap pra-rekabentuk untuk sesuatu projek bangunan, dengan tumpuan terhadap peranan dan fungsi seseorang pengurus projek serta kaitan beliau dengan sistem klien.

(25 markah)

2. Kebanyakan klien-klien menggunakan kaedah Tender tradisional terutama sekali di dalam sektor awam.

a) Huraikan satu prosedur yang boleh membantu klien-klien memperolehi serta menilai tender-tender jenis tersebut untuk projek bangunan mereka dan juga untuk melantik kontraktor yang berjaya.

b) Jelaskan tentang faktor-faktor yang harus dipertimbangkan oleh kontraktor-kontraktor sebelum mengambil keputusan untuk menerima pelawaan untuk mengemukakan tender untuk sesuatu projek.

(25 markah)

3. a) "Secara tradisi, pihak Arkitek mengepalai heiraki sosial pembinaan tetapi kebelakangan ini, peranan pengurusan jururunding binaan diserahkan kepada Pengurus Projek".

Bincangkan pernyataan di atas dan sarankan suatu struktur organisasi projek untuk sebuah agensi badan berkanun yang terlibat di dalam bidang hartanah seperti UDA.

3. b) Secara ringkas, huraikan tentang sifat-sifat kepimpinan utama dan kemahiran yang harus diperolehi oleh seseorang Pengurus Projek di dalam penglibatan mereka dengan jururunding-jururunding binaan.

(25 markah)

4. a) Bincangkan falsafah disebalik serta pertimbangan praktikal tentang Sistem Automasi dan Peralatan Robotik untuk Sistem Bangunan Modular.

- b) Secara ringkas, huraikan tentang gabungan peralatan yang berpandukan komputer yang dipanggil Master Project Coordinating Program (MPCP) dari segi rekabentuk untuk automasi.

(25 markah)

5. a) Bincang dan bandingkan konsep-konsep 'Analisis Pencapaian' dan 'Kawalan Kos Berasaskan Sumber' dan kaitkan bagaimana pengurusan kewangan sesuatu projek itu boleh ditingkatkan dengan implementasi konsep-konsep tersebut.

- b) Jelaskan tentang aktiviti-aktiviti pengurusan yang akan dilaksanakan oleh seorang Pengurus Projek ditahap pembinaan dan penggunaan suatu projek hotel 200-bilik (4-star).

(25 markah)

6. a) Tunjukkan dengan panduan gambarajah, bagaimana kawalan pengurusan dari segi komunikasi dan proses membuat keputusan oleh pihak klien boleh dipertingkatkan dengan meletakkan dengan tepat (correctly positioning) seseorang Pengurus Projek di dalam struktur organisasi projek di tahap rekabentuk dan pembinaan.

- b) Sekiranya, sepertimana yang terdapat di dalam projek-projek awam, pihak klien terpaksa bekerja melalui suatu "jawatankuasa pemandu" (steering committee), tunjukkan dengan jelas di mana "jawatankuasa" ini harus dan juga TIDAK harus diletakkan. Jelaskan kenapa.

(25 markah)

-ooo00ooo-